

Kemaskini Soalan-Soalan Lazim (FAQ) bagi Moratorium Automatik setakat 5 Jun 2020

No.	Soalan	Jawapan
1.	Apakah moratorium pembayaran pembiayaan automatik?	<p>Ia merupakan penangguhan sementara atau penggantungan kewajipan pembayaran pembiayaan (prinsipal dan keuntungan) untuk satu tempoh masa yang terhad. Dalam tempoh ini, pelanggan dengan pembiayaan yang memenuhi syarat tidak perlu membuat apa-apa bayaran, dan tiada bayaran lewat atau penalti dikenakan.</p> <p>Keuntungan akan terus terakru pada pembayaran pembiayaan yang ditangguh dan pelanggan perlu menjelaskan pembayaran yang tertangguh pada masa hadapan. Pembayaran akan bersambung semula selepas tempoh moratorium.</p> <p>Dengan itu, tempoh matang pembiayaan akan dilanjutkan selama 6 bulan lagi untuk ansuran yang tertangguh.</p>
2.	Apakah matlamat moratorium automatik?	<p>Matlamat moratorium ini adalah untuk memberi kelonggaran kepada individu dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang menghadapi kekangan kewangan sementara akibat daripada pandemik COVID-19. Kami berharap ini dapat membantu individu dan PKS yang menghadapi masalah kewangan untuk menghadapi cabaran dalam tempoh ini. Bayaran pembiayaan akan bersambung semula selepas tempoh moratorium.</p>
3.	Pembiayaan apakah yang layak untuk moratorium?	<p>Bagi individu dan PKS, moratorium untuk kewajipan pembayaran pembiayaan Islamik (kecuali kad kredit) dilaksanakan oleh Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank") secara automatik jika pembiayaan memenuhi kriteria ("Kriteria") berikut:</p> <p>a) tidak tertunggak melebihi 90 hari pada 1 April 2020; dan</p> <p>b) dalam denominasi Ringgit Malaysia.</p> <p>Sementara itu, pelanggan korporat dan komersial boleh memohon moratorium bayaran pembiayaan daripada Bank.</p>
4.	Adakah pembiayaan yang akan menjadi tertunggak 90 hari pada 1 April 2020 layak untuk moratorium dengan sendirinya?	Ya.
5.	Adakah semua pembiayaan baharu yang dikeluarkan selepas 1 April 2020 layak untuk moratorium?	<p>Pelanggan perlu memohon untuk moratorium bagi pembiayaan yang diluluskan atau dikeluarkan selepas 1 April 2020. Permohonan ini adalah tertakluk kepada penilaian dan kelulusan pihak Bank.</p> <p>Permohonan haruslah dibuat pada atau sebelum 31 Dis 2020.</p>

No.	Soalan	Jawapan
6.	Adakah pembiayaan yang telah diberikan moratorium di bawah penjadualan semula dan penstrukturan semula (R&R) layak untuk 6 bulan penangguhan di bawah moratorium?	Ya, tertakluk kepada pembiayaan memenuhi Kriteria.
7.	<p>Adakah moratorium hanya terpakai untuk pembiayaan dalam mata wang Ringgit:</p> <p>a) Bagaimanakah Bank menilai pembiayaan berdenominasi mata wang asing untuk pelanggan warganegara Malaysia?</p> <p>b) Adakah ini juga terpakai untuk pembiayaan oleh pelanggan warganegara asing, dengan syarat ia didenominasi dalam Ringgit?</p>	<p>a) Pada asasnya, pembiayaan dalam mata wang asing tidak layak untuk moratorium automatik.</p> <p>Walau bagaimanapun, Bank boleh mempertimbangkan untuk menyusun semula dan / atau menjadualkan semula pembiayaan dalam denominasi mata wang asing, yang mungkin termasuk moratorium pembayaran.</p> <p>b) Ya.</p>
8.	Bolehkah moratorium diaplikasikan kepada produk pembiayaan peribadi yang diberikan kepada penjawat awam?	Ya, sekiranya Kriteria kelayakan dipenuhi.
9.	Adakah moratorium diaplikasikan kepada pembayaran kemudahan sewaan (ijarah) dan sewa beli (AITAB) secara automatik?	Ya.
10.	Bolehkah saya meminta moratorium lebih daripada 6 bulan?	Tidak. Moratorium ini hanya untuk 6 bulan.
11.	Sekiranya saya memilih moratorium, adakah rekod CCRIS saya akan terjejas?	Tidak. CCRIS anda tidak akan terjejas semasa tempoh penangguhan. Ia akan tetap sama seperti statusnya pada Mac 2020 sepanjang tempoh penangguhan.
12.	Sebagai pelanggan individu atau PKS, adakah saya perlu memohon?	Tidak. Semua pembiayaan individu dan PKS (tidak termasuk kad kredit) yang memenuhi Kriteria layak untuk moratorium secara automatik berkuat kuasa 1 April 2020.

No.	Soalan	Jawapan
13.	<p>Pembiayaan saya tertunggak (default), adakah saya layak?</p> <p>Adakah pembiayaan di bawah program penjadualan semula dan penstrukturan semula (R&R) layak untuk moratorium?</p>	<p>Akaun pembiayaan yang telah tertunggak melebihi 90 hari pada 1 April 2020 tidak layak untuk moratorium. Pelanggan dinasihatkan untuk membuat bayaran agar akaun pembiayaan tidak tertunggak melebihi 90 hari pada 1 April 2020 untuk layak secara automatik.</p> <p>Pembiayaan di bawah program R&R juga layak mendapat moratorium tertakluk pada Kriteria.</p>
14.	<p>Sekiranya pelanggan mempunyai beberapa pembiayaan dengan Bank, dan hanya salah satu daripadanya adalah tertunggak, adakah pembiayaan atau kemudahan lain layak untuk moratorium secara automatik?</p>	<p>Ya. Penangguhan ini boleh diaplikasikan ke atas setiap kemudahan, dan jika kemudahan pembiayaan memenuhi Kriteria bagi pelanggan individu dan PKS, ia akan layak untuk moratorium secara automatik.</p>
15.	<p>Bagaimanakah moratorium ini berbeza daripada moratorium pinjaman lain yang diumumkan oleh beberapa bank baru-baru ini?</p>	<p>Bank-bank dan institusi-institusi kewangan pembangunan (IKP) proaktif dalam memenuhi keperluan pelanggan mereka dengan menawarkan pelbagai pakej penjadualan semula dan penstrukturan semula untuk membantu pelanggan yang terjejas. Usaha seperti ini digalakkan dalam keadaan yang mencabar ini.</p> <p>Pelanggan yang menerima bantuan daripada bank dan IKP untuk menjadualkan semula dan menyusun semula pembiayaan mereka boleh memilih untuk tidak mengikut aturan tersebut, jika mereka ingin berbuat demikian.</p>
16.	<p>Bank manakah yang menawarkan pakej moratorium ini?</p>	<p>Semua bank-bank berlesen, bank-bank Islam berlesen dan institusi-institusi kewangan pembangunan (IKP) yang dikawal selia oleh BNM menawarkan kemudahan moratorium. Pelanggan yang layak boleh memanfaatkan penangguhan ini secara automatik.</p>
17.	<p>Bagaimanakah saya tahu Bank telah mendaftarkan pembiayaan saya ke dalam tempoh moratorium?</p> <p>Bagaimanakah saya tahu jika saya layak?</p>	<p>Bank akan memaklumkan kepada pelanggan individu dan PKS dengan menyatakan bahawa pembayaran pembiayaan anda telah ditangguhkan di bawah skim ini.</p> <p>Maklumat tersebut akan dinyatakan secara umum atau disampaikan kepada pelanggan melalui saluran yang sesuai dan / atau diterbitkan melalui laman web kami.</p>
18.	<p>Saya mahu meneruskan pembayaran pembiayaan saya seperti biasa. Bagaimanakah cara untuk saya tidak memilih moratorium automatik?</p>	<p>Anda perlu memaklumkan pilihan untuk tidak memilih moratorium melalui SMS (untuk pelanggan individu) yang dihantar oleh Bank dan panggilan telefon (untuk PKS). Kemudian, anda boleh terus membayar amaun ansuran yang biasa tepat pada masanya.</p>

No.	Soalan	Jawapan				
19.	<p>Apa yang akan berlaku kepada pembayaran pembiayaan saya selepas tempoh moratorium?</p> <p>Bagaimanakah moratorium memberi kesan kepada pembayaran keuntungan saya selepas tempoh 6 bulan? Adakah terdapat peningkatan bayaran bulanan, atau tempoh yang lebih lama?</p>	<p>Keuntungan akan terus terakru pada pembayaran pembiayaan yang ditangguhkan. Ansuran anda akan tetap sama. Walau bagaimanapun, tempoh matang pembiayaan akan dilanjutkan 6 bulan.</p> <p>Pelanggan dinasihatkan menghubungi Pusat Panggilan Bank Islam sebelum atau pada 1 September 2020 untuk membincangkan pelan yang sesuai untuk membayar prinsipal dan keuntungan yang terakru semasa tempoh moratorium. Ini mungkin termasuk jumlah ansuran berikutnya yang lebih tinggi.</p>				
20.	<p>Bagaimanakah pengiraan ansuran pembiayaan rumah saya selepas tempoh moratorium 6 bulan?</p>	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Ansuran Bulanan Sebelum Penangguhan</th> <th>Ansuran Bulanan Selepas Penangguhan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>RM1,583-51</td> <td>RM1,583-51 (tidak berubah)</td> </tr> </tbody> </table> <p>Ilustrasi di atas adalah untuk Pembiayaan Rumah berdasarkan pada andaian berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Amaun pembiayaan : RM300,000 dan dibayar sepenuhnya <input type="checkbox"/> Kadar Keuntungan : 4.00% setahun <input type="checkbox"/> Tempoh asal : 25 tahun <input type="checkbox"/> Pelanggan telah membuat pembayaran tepat pada masanya selama 10 tahun <input type="checkbox"/> Tiada bayaran dibuat semasa tempoh moratorium 6 bulan <input type="checkbox"/> Keuntungan dikenakan semasa moratorium (tiada caj keuntungan berganda) <input type="checkbox"/> Tempoh pembiayaan akan dilanjutkan 6 bulan 	Ansuran Bulanan Sebelum Penangguhan	Ansuran Bulanan Selepas Penangguhan	RM1,583-51	RM1,583-51 (tidak berubah)
Ansuran Bulanan Sebelum Penangguhan	Ansuran Bulanan Selepas Penangguhan					
RM1,583-51	RM1,583-51 (tidak berubah)					

No.	Soalan	Jawapan					
21.	<p>Bagaimanakah pengiraan ansuran pembiayaan kenderaan saya selepas tempoh moratorium 6 bulan?</p>	<table border="1" data-bbox="616 362 1465 546"> <thead> <tr> <th data-bbox="616 362 1015 443">Ansuran Bulanan Sebelum Penangguhan</th> <th data-bbox="1015 362 1465 443">Ansuran Bulanan Selepas Penangguhan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="616 443 1015 546">RM2,000-00</td> <td data-bbox="1015 443 1465 546">RM2,000-00 (tidak berubah)</td> </tr> </tbody> </table> <p>Ilustrasi di atas adalah untuk Pembiayaan Kenderaan berdasarkan kepada andaian berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Jumlah pembiayaan adalah RM100,000-00 <input type="checkbox"/> Kadar Keuntungan 4.0% <input type="checkbox"/> Pengeluaran Penuh <input type="checkbox"/> Pembayaran tepat pada masanya <input type="checkbox"/> Tempoh pembiayaan asal 5 tahun dan pelanggan telah membuat pembayaran selama 3 tahun <input type="checkbox"/> Ansuran bulanan akan ditangguhkan dalam tempoh moratorium (tanpa caj keuntungan berganda) dan pembiayaan pelanggan akan dilanjutkan selama 6 bulan selepas tempoh matang dengan amaun ansuran yang sama. 		Ansuran Bulanan Sebelum Penangguhan	Ansuran Bulanan Selepas Penangguhan	RM2,000-00	RM2,000-00 (tidak berubah)
Ansuran Bulanan Sebelum Penangguhan	Ansuran Bulanan Selepas Penangguhan						
RM2,000-00	RM2,000-00 (tidak berubah)						
22.	<p>Adakah saya perlu melaksanakan Aqad baharu memandangkan pembiayaan saya dilanjutkan 6 bulan selepas tempoh matang?</p>	<p>Aqad baharu tidak diperlukan kerana jumlah bayaran selepas lanjutan tidak akan menjadi lebih tinggi daripada jumlah yang dikontrakkan oleh pelanggan dan Bank.</p>					
23.	<p>Saya bekerja di sektor pelancongan dan telah terjejas teruk oleh pandemik baru-baru ini, saya telah cuba untuk memenuhi ansuran bulanan pembiayaan hartanah saya sejak Januari dan simpanan saya akan habis tidak lama lagi. Adakah saya layak untuk moratorium?</p>	<p>Ya, dengan syarat pembiayaan anda tidak tertunggak selama lebih dari 90 hari pada 1 April 2020.</p>					
24.	<p>Saya menjalankan perniagaan kecil yang telah terjejas teruk oleh COVID-19, jika perniagaan tidak bertambah baik, saya akan gagal membayar ansuran kereta dan pembiayaan peribadi saya tidak lama lagi. Adakah saya layak untuk moratorium?</p>	<p>Ya, dengan syarat pembiayaan anda tidak tertunggak lebih dari 90 hari pada 1 April 2020.</p>					

No.	Soalan	Jawapan
25.	Adakah saya akan dikenakan caj keuntungan tambahan atas amaun ansuran yang ditangguhkan selama 6 bulan dalam tempoh tersebut?	<p>Keuntungan tersebut akan terus terakru pada jumlah prinsipal yang belum dijelaskan. Walau bagaimanapun keuntungan tersebut tidak akan dikompaun atau digandakan selaras dengan prinsip Syariah.</p> <p>Bank tidak akan mengenakan caj lewat bayar (Ta'widh) pada amaun yang ditangguhkan. Dalam erti kata lain, pembayaran pembiayaan hanya ditangguhkan untuk 6 bulan.</p> <p>Bagi pembiayaan berasaskan kadar terapung, jumlah belum dijelaskan pada tarikh matang akan berubah mengikut perubahan pada Kadar Asas Bank Islam.</p>
26.	Adakah pakej moratorium ini dikenakan kepada pembiayaan yang baru diluluskan / dikeluarkan?	<p>Ia terpakai kepada semua pembiayaan pelanggan individu dan PKS yang belum selesai pada 1 April 2020.</p>
27.	Adakah pembiayaan saya dengan penyedia kredit bukan bank lain layak untuk moratorium ini?	<p>Tidak, ia hanya terpakai kepada pembiayaan yang ditawarkan oleh institusi kewangan yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia, iaitu bank-bank dan institusi-institusi kewangan pembangunan.</p>
28.	<p>a) Bagi syarikat yang memohon moratorium, adakah ia tertakluk kepada penilaian risiko dan budi bicara Bank?</p> <p>b) Adakah terdapat tempoh masa untuk permohonan tersebut dibuat?</p>	<p>a) Ya, permohonan untuk moratorium pelanggan korporat tertakluk kepada penilaian risiko dan kelulusan Bank.</p> <p>Bank akan memudahkan permohonan moratorium dengan cara yang membolehkan para pelanggan korporat yang berdaya maju untuk mengekalkan pekerjaan dan segera meneruskan aktiviti ekonomi apabila keadaan stabil dan bertambah baik.</p> <p>Ini mungkin termasuk mempertimbangkan pembiayaan tambahan yang sesuai untuk menyokong aliran tunai segera dan untuk memberikan tempoh yang munasabah untuk perniagaan pulih sepenuhnya daripada gangguan semasa. Keputusan untuk penangguhan moratorium dan / atau pembiayaan tambahan adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak Bank.</p> <p>b) Ya. Pelanggan korporat boleh memohon untuk moratorium 6 bulan pada atau sebelum 31 Disember 2020.</p>
29.	Sekiranya pelanggan korporat memilih moratorium, adakah ia masih boleh mendapat pembiayaan baharu daripada bank?	<p>Keputusan untuk menawarkan pembiayaan baharu adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak Bank.</p>
30.	Sebagai pelanggan korporat, apakah kriteria kelayakan moratorium?	<p>Kriteria yang sama dan kelulusan oleh pihak Bank adalah terpakai.</p> <p>Anda boleh menghubungi mana-mana pegawai kami daripada Bahagian Perbankan Korporat atau Bahagian Perbankan Komersial Bank Islam untuk penjelasan dan perbincangan lanjut.</p>

No.	Soalan	Jawapan
31.	Adakah moratorium automatik untuk PKS dan individu juga terpakai bagi pelanggan korporat yang ditakrif sebagai PKS dan individu berpendapatan tinggi?	Ya. Moratorium automatik juga terpakai bagi kedua-dua segmen sekiranya mereka memenuhi Kriteria. Untuk mengelakkan keraguan, pelanggan PKS ditakrifkan mengikut <i>Garis Panduan Definisi Baharu PKS</i> yang dikeluarkan oleh SME Corporation Malaysia pada Oktober 2013.
32.	Bayaran untuk pembiayaan saya ditolak secara automatik daripada gaji saya. Adakah saya layak untuk moratorium?	Ya. Sila maklumkan majikan anda untuk menghentikan potongan gaji jika anda ingin menangguhkan pembayaran pembiayaan anda.
33.	Bagaimanakah jika saya membuat Arahan Tetap untuk pembayaran pembiayaan saya?	Bank Islam akan menangguhkan Arahan Tetap anda untuk tempoh moratorium jika Arahan Tetap adalah daripada simpanan / akaun semasa anda dengan Bank Islam dan diuruskan oleh Cawangan kami. Sekiranya Arahan Tetap dikendalikan oleh pelanggan melalui Perbankan Internet Bank Islam, pelanggan sendiri perlu membatalkan Arahan Tetap semasa tempoh moratorium. Jika akaun simpanan / semasa anda adalah dengan bank lain, sila uruskan untuk menangguhkan Arahan Tetap untuk tempoh moratorium dengan bank masing-masing.
34.	Adakah bank akan menghentikan keperluan pembayaran secara automatik jika saya tidak bertindak balas terhadap pemberitahuan mereka?	Ya.
35.	Adakah saya layak mendapat moratorium automatik jika akaun pembiayaan saya berada di bawah program AKPK?	Ya. Akaun di bawah program AKPK juga layak mendapat moratorium automatik.
36.	Bolehkah pelanggan meminta lebih daripada 6 bulan tempoh penangguhan?	Jika pelanggan tidak dapat meneruskan ansuran bulanan selepas tamat tempoh moratorium, pelanggan boleh berkunjung ke Bank Islam dan berunding untuk pelan pembayaran yang sesuai selepas tempoh moratorium yang mungkin termasuk pelan ansuran menaik untuk menyelesaikan ansuran yang tertangguh. Atau, pelanggan juga boleh memohon pembiayaan semula, penjadualan semula atau penyusunan semula.

Sila hubungi:

Pusat Panggilan & Khidmat Pelanggan Bank Islam

Tel : 03-26 900 900

Faks : 03-2782 1337

Email : contactcenter@bankislam.com.my

Soalan-Soalan Lazim (FAQ)

Kad Kredit-i Bank Islam

(Program Penukaran Baki BIC-i)

No.	Soalan	Jawapan
1	Apakah Program Penukaran Baki BIC-i?	Program Penukaran Baki BIC-i adalah program kad kredit-i yang disediakan untuk ahli Kad Kredit-i Bank Islam yang layak untuk menukar baki penyata yang belum dijelaskan (amaun prinsipal sahaja) ke pelan ansuran pada kadar keuntungan efektif 13% setahun selama 36 bulan.
2.	Apakah matlamat Program Penukaran Baki BIC-i ini?	Tujuan program ini adalah untuk memberi bantuan kepada ahli kad-i individu yang menghadapi kekangan kewangan sementara disebabkan pandemik COVID-19. Kami berharap program ini akan membantu ahli kad-i menangani cabaran sepanjang tempoh ini.
3	Apakah kelayakan untuk saya menyertai Program Penukaran Baki BIC-i ini?	<ol style="list-style-type: none"> 1. Semua ahli kad-i utama yang tidak mempunyai tunggakan melebihi 90 hari setakat tarikh penukaran dengan baki penyata minimum yang belum dijelaskan (amaun prinsipal sahaja) sebanyak RM1,000 dan ke atas boleh memohon untuk Program Penukaran Baki BIC-i. 2. Ahli kad-i yang tidak membuat bayaran bulanan minimum selama tiga (3) bulan berturut-turut setakat 1 April 2020 akan didaftarkan secara automatik ke dalam Program Penukaran Baki BIC-i. Sekiranya anda berada di bawah kategori ini, anda tidak perlu menghubungi Bank. Penukaran ini akan dilakukan secara automatik. Bank akan memaklumkan kepada anda mengenai urusan pembayaran dan amaun ansuran.
4	Bagaimanakah cara untuk saya memohon Program Penukaran Baki BIC-i ini?	<p>Ahli kad-i utama boleh:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menghantar perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) YESPBA <jarak> NRIC ke 66300; atau 2. Memuat turun Borang Permohonan Program Penukaran Baki Kad Kredit-i Bank Islam di laman web Bank Islam dan hantar borang yang lengkap melalui e-mel ke bicc.customer.service@bankislam.com.my

5	<p>Apakah terdapat jumlah minimum sekiranya saya ingin memohon Program Penukaran Baki BIC-i?</p>	<p>Anda boleh mendaftar untuk Program Penukaran Baki BIC-i ini jika baki penyata kad kredit-i anda yang belum dijelaskan (amaun prinsipal sahaja) adalah RM1,000 dan ke atas.</p>
6	<p>Kenapa hanya amaun prinsipal sahaja yang boleh ditukarkan kepada Program Penukaran Baki BIC-i dan bukan jumlah keseluruhan baki penyata Kad kredit-i yang belum dijelaskan?</p>	<p>Caj keuntungan akan terus terakru ke atas baki amaun prinsipal kad kredit-i anda yang belum dijelaskan dan tidak akan digandakan selari dengan prinsip Shariah. Oleh itu, keuntungan terkumpul dan fi yang telah dicaj serta caj-caj lain (contoh fi tahunan, fi pengeluaran tunai, cukai perkhidmatan, ta'widh dll.) adalah tidak termasuk di dalam amaun penukaran.</p>
7	<p>Bolehkah saya memohon Program Penukaran Baki BIC-i untuk tempoh yang lebih pendek atau lebih panjang daripada 36 bulan?</p>	<p>Program Penukaran Baki BIC-i ini hanya tersedia untuk tempoh 36 bulan sahaja.</p>
8	<p>Bolehkah saya membuat tambahan amaun untuk ditukar kepada pembiayaan bertempoh?</p>	<p>Amaun yang akan ditukar kepada pembiayaan bertempoh adalah berdasarkan baki penyata pada masa penukaran sahaja.</p> <p>Kemudahan pembiayaan tambahan akan diberikan berdasarkan proses sedia ada penilaian kredit Bank Islam, yang mana termasuk penilaian kemampuan.</p>
9	<p>Saya dengar pengeluar kad akan menyediakan penukaran baki kad kredit-i secara automatik kepada pembiayaan bertempoh, tetapi saya mempunyai gaji bulanan RM5,500. Adakah saya layak untuk pakej penukaran oleh pengeluar kad?</p>	<p>Semua ahli kad-i layak menyertai Program Penukaran Baki BIC-i tanpa mengira tahap pendapatan mereka, walau bagaimanapun, mereka tertakluk kepada syarat yang dinyatakan di dalam Soalan 3.</p> <p>Bagi ahli kad-i yang tidak membuat bayaran bulanan minimum selama tiga bulan berturut-turut, Bank Islam akan secara automatik menukarkan baki penyata kad kredit-i yang belum dijelaskan (amaun prinsipal sahaja) ke pembiayaan bertempoh selama tiga tahun (36 bulan) pada kadar keuntungan efektif 13% setahun.</p> <p>Semua ahli kad-i yang lain boleh memilih untuk menyertai Program Penukaran Baki BIC-i pada bila-bila masa dari 1 April hingga 31 Disember 2020 dan menukar baki penyata kad kredit-i mereka ke pembiayaan bertempoh pada kadar yang sama seperti di atas.</p>

10	<p>Akaun kad kredit-i saya tertunggak (default), adakah saya layak? Adakah pembiayaan di bawah program penjadualan semula dan penstrukturan semula (R & R) layak untuk Program Penukaran Baki BIC-i?</p>	<p>Akaun kad kredit-i yang tertunggak melebihi 90 hari atau di bawah program R&R tidak layak untuk menyertai Program Penukaran Baki BIC-i. Ahli kad-i dinasihatkan untuk menghubungi Pusat Panggilan Bank Islam untuk mendapatkan maklumat lanjut.</p>
11	<p>Sekiranya saya dalam program AKPK, adakah saya layak memohon Program Penukaran Baki BIC-i?</p>	<p>Akaun kad kredit-i di bawah program AKPK tidak layak untuk Program Penukaran Baki BIC-i.</p>
12	<p>Sekiranya saya kini mendaftar dalam program Penukaran Baki Automatik (ABC), bolehkah saya memohon untuk Program Penukaran Baki BIC-i?</p>	<p>Ya. Anda boleh mendaftar untuk Program Penukaran Baki BIC-i ini jika baki penyata kad kredit-i yang belum dijelaskan (amaun prinsipal sahaja) memenuhi kriteria minimum RM1,000 dan tidak tertunggak selama lebih dari 90 hari setakat tarikh penukaran. Baki ansuran yang belum dijelaskan seperti Ansuran ABC, Pelan Ansuran Runcit (RSVP) dan Pelan Bayaran Ansuran (IPP) tidak terpakai.</p>
13	<p>Saya mempunyai dua kad kredit dengan amaun yang belum dijelaskan yang besar, dan saya diberhentikan kerja pada bulan Januari 2020. Saya tidak dapat membuat bayaran bulanan kad kredit saya sejak Januari dan saya sangat risau tentang akibatnya. Adakah saya layak untuk menukar baki tertunggak ke dalam pembiayaan bertempoh? Bagaimanakah ia berfungsi? Adakah saya perlu menghubungi pengeluar kad untuk melaksanakannya?</p>	<p>Sekiranya anda tidak membuat bayaran bulanan minimum kad kredit-i anda selama 3 bulan berturut-turut, Bank Islam secara automatik akan menukarkan baki yang belum dijelaskan kepada pembiayaan bertempoh selama 3 tahun (36 bulan) pada kadar keuntungan efektif 13% setahun.</p> <p>Ansuran pertama (yang terdiri daripada prinsipal dan keuntungan) yang perlu dibayar akan ditunjukkan dalam penyata kad kredit-i bulan berikutnya selepas penukaran.</p> <p>Anda juga boleh menghubungi Bank Islam untuk memohon penukaran jika Bank Islam tidak menukar baki kad kredit-i anda yang belum dijelaskan secara automatik dengan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menghantar perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) YESPBA <jarak> No. KP ke 66300; atau 2. Memuat turun Borang Permohonan Program Penukaran Baki Kad Kredit-i Bank Islam di laman web Bank Islam dan hantar borang yang lengkap melalui e-mel ke bicc.customer.service@bankislam.com.my

14	<p>Jika saya telah mendaftar untuk Program Penukaran Baki BIC-i, adakah saya masih boleh menggunakan kad kredit-i saya?</p>	<p>Ya, anda boleh terus menggunakan kad kredit-i hingga had baki pembiayaan selepas mengambil kira baki yang ditukar kepada pakej penukaran tertakluk kepada had pembiayaan yang masih ada.</p> <p>Baki yang belum dijelaskan yang ditukar kepada pembiayaan bertempoh dianggap sebahagian daripada had pembiayaan. Di samping itu, ansuran pembiayaan bulanan akan menjadi sebahagian daripada amaun bayaran bulanan minimum pada kad kredit-i.</p> <p>Had pembiayaan BIC-i anda akan dipulihkan secara berperingkat berdasarkan ansuran bulanan yang dibayar dan ia akan dipulihkan sepenuhnya setelah dibayar penuh.</p>
15	<p>Bolehkah saya menamatkan pembiayaan bertempoh di bawah Program Penukaran Baki BIC-i sebelum tempoh 36 bulan berakhir?</p>	<p>Ya, tetapi anda perlu menyelesaikan sepenuhnya baki pembiayaan bertempoh. Tiada penalti penyelesaian awal akan dikenakan.</p>
16	<p>Bagaimanakah cara untuk saya menarik diri daripada Program Penukaran Baki BIC-i dan penangguhan pembayaran?</p>	<p>Anda boleh memilih untuk keluar daripada Program Penukaran Baki BIC-i dengan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menghantar perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) NOPBA<jarak>No. KP ke 66300; atau 2. Memuat turun Borang Permohonan Program Penukaran Baki Kad Kredit-i Bank Islam di laman web Bank Islam dan hantar borang yang lengkap melalui e-mel ke bicc.customer.service@bankislam.com.my
17	<p>Jika saya telah memilih untuk keluar daripada Program Penukaran Baki BIC-i, bolehkah saya memohon semula?</p>	<p>Tidak. Anda hanya boleh memohon untuk program ini sekali sahaja dari 1 April 2020 hingga 31 Disember 2020.</p>
18	<p>Selepas penukaran automatik pertama, jika saya tidak dapat memenuhi bayaran minimum kad kredit-i saya sekali lagi, adakah pengeluaran kad akan menukar baki kepada pembiayaan bertempoh?</p>	<p>Tidak, penukaran baki automatik BIC-i kepada pembiayaan bertempoh hanya akan dilakukan sekali sahaja dari 1 April hingga 31 Disember 2020.</p>

19	<p>Bolehkah ahli kad-i yang telah menukarkan baki kad-i kepada pembiayaan bertempoh memohon terus untuk pakej penangguhan pembayaran pembiayaan selama 6 bulan</p>	<p>Ya, boleh. Memandangkan kad kredit-i tidak termasuk di dalam pakej penangguhan moratorium automatik, ahli kad-i perlu memohon untuk pakej penangguhan pembayaran selama 6 bulan dengan menghantar email kepada bicc.customer.service@bankislam.com.my.</p> <p>Bayaran bulanan untuk pembiayaan bertempoh akan bermula selepas tempoh penangguhan.</p>
20	<p>Sekiranya permohonan saya untuk pertukaran tidak diluluskan oleh Bank Islam, adakah saya boleh memohon untuk pakej penangguhan?</p>	<p>Tidak, penangguhan pembiayaan selama 6 bulan tidak terpakai kepada baki kad kredit-i.</p>
21	<p>Jika baki kad kredit-i saya yang belum dijelaskan ditukar kepada pembiayaan bertempoh, adakah rekod CCRIS saya akan terjejas?</p>	<p>Rekod CCRIS anda tidak akan terjejas, sekiranya akaun kad kredit-i berbayar (tertunggak selama 90 hari atau kurang) semasa penukaran. Walau bagaimanapun jika akaun kad kredit-i sudah tidak berbayar (tertunggak selama lebih dari 90 hari), rekod CCRIS anda akan terjejas .</p>
22	<p>Sekiranya saya memilih Program Penukaran Baki BIC-i, adakah saya masih berhak mendapat perlindungan Takaful untuk kemudahan BIC-i saya?</p>	<p>Ya. Perlindungan Takaful untuk kemudahan BIC-i anda adalah mengikut terma-terma dan syarat-syarat semasa.</p>

23

Saya mempunyai satu pelan pembayaran ansuran dan satu pelan pemindahan baki di bawah kad kredit-i. Bolehkah saya menukar semua baki menjadi Program Penukaran Baki BIC-i?

Tidak. Program Penukaran Baki BIC-i hanya terpakai untuk baki tertunggak (amaun prinsipal sahaja) akaun kad kredit-i anda tidak termasuk pelan ansuran lain yang sedia ada dalam akaun (seperti IPP, RSVP dan ABC). Pelan ansuran tersebut melibatkan pembayaran bulanan selama tempoh tetap pada kadar keuntungan sifar atau rendah.

Beberapa perkara penting yang perlu diberi perhatian:

Sekiranya Bank Islam secara automatik menukar atau ahli kad-i memilih untuk menukar baki kad kredit-i yang tertunggak kepada Program Penukaran Baki-BIC-i, jumlah pembayaran minimum setiap bulan untuk Ahli Kad-i = Pembayaran bulanan Program Penukaran Baki-BIC-i (prinsipal dan keuntungan) + pembayaran bulanan untuk pelan ansuran sedia ada + minimum 5% daripada baki akaun yang tidak ditukar dan transaksi baharu dibuat setelah penukaran.



Contoh 1:

Akaun kad kredit-i diluluskan dengan had pembiayaan sebanyak RM10,000, dengan andaian berikut:

Baki penyata = RM6,500 yang terdiri daripada:

- Bayaran bulanan untuk pelan pembayaran ansuran RSVP (tidak ditukar menjadi pembiayaan bertempoh) dengan keuntungan 0% = RM150;
- Bayaran bulanan untuk pelan pembayaran ansuran IPP (tidak ditukar menjadi pembiayaan bertempoh) dengan keuntungan 0% = RM50;
- Pembayaran bulanan untuk rancangan pembayaran ansuran ABC (tidak ditukar menjadi pembiayaan bertempoh) dengan 13% setahun selama 3 tahun = RM50;
- Transaksi runcit prinsipal = RM4,000;
- Transaksi pendahuluan tunai prinsipal = RM1,950;
- Keuntungan Berkumpul (runcit) = RM200;
- Keuntungan Berkumpul (tunai) = RM100

		<p>Sebelum penukaran:</p> <p><i>Amaun pembayaran bulanan minimum = RM150^a + RM50^b + RM50^c + 5% (RM4,000^d + RM1,950^e + RM200^f + RM100^g) = RM562.50</i></p> <p>Selepas penukaran:</p> <p><i>Program Penukaran Baki BIC-i</i></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Baki penyata yang layak ditukar pada 13% setahun selama 3 tahun = RM5,950^{d+e} ▪ Ansuran bulanan = RM200; <p><i>Amaun pembayaran bulanan minimum = RM150^a + RM50^b + RM50^c + 5% (RM200^f + RM100^g) + RM200 = RM465.00</i></p> <p>Dengan anggapan ahli kad terus menggunakan kad selepas Penukaran Baki BIC-i di atas:</p> <p><i>h. Baki penyata baharu selepas penukaran, dari transaksi baru = RM2,000</i></p> <p><i>Amaun pembayaran bulanan minimum = RM150^a + RM50^b + RM50^c + 5% (RM200^f + RM100^g + RM2,000^h) + RM200 = RM565.00</i></p>
24	<p>Sekiranya saya telah memohon penangguhan pembayaran pada pembiayaan jangka baharu, adakah saya masih perlu membayar pembayaran bulanan selama tempoh penangguhan?</p>	<p>Walaupun anda telah memohon penangguhan pembayaran untuk Program Penukaran Baki BIC-i yang baharu selama 6 bulan, anda masih perlu membayar pembayaran bulanan untuk pelan ansuran anda dan minimum 5% daripada baki akaun yang timbul daripada keuntungan terkumpul, fi dan caj dan transaksi baharu yang dibuat selepas penukaran semasa tempoh penangguhan pembayaran.</p> <div style="text-align: center;"> </div> <p>Merujuk kepada Contoh 1 pada Soalan 23,</p>

		<p>Selepas penukaran DAN penangguhan pembiayaan bertempoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Bayaran bulanan untuk pelan pembayaran ansuran RSVP (tidak ditukar menjadi pembiayaan bertempoh) dengan keuntungan 0% = RM150; b. Bayaran bulanan untuk pelan pembayaran ansuran IPP (tidak ditukar menjadi pembiayaan bertempoh) dengan keuntungan 0% = RM50; c. Pembayaran bulanan untuk rancangan pembayaran ansuran ABC (tidak ditukar menjadi pembiayaan bertempoh) dengan 13% setahun selama 3 tahun = RM50; d. Pembayaran bulanan untuk Program Penukaran Baki BIC-i selama enam bulan = 0; e. Keuntungan Berkumpul (runcit) = RM200; f. Keuntungan Berkumpul (tunai) = RM100 g. Baki penyata baharu selepas penukaran, daripada transaksi baharu = RM2,000 <p>Amaun pembayaran bulanan minimum = $RM150^a + RM50^b + RM50^c + 5\% (RM200^e + RM100^f + RM2,000^g) = RM365.00$</p>
25	<p>Bagaimana jika saya gagal membuat pembayaran bulanan?</p>	<p>Sekiranya anda gagal membayar bayaran bulanan pada tarikh akhir yang ditetapkan, amalan semasa Bank Islam untuk kad kredit-i bagi baki yang belum dibayar akan terpakai.</p>

Sila hubungi:

Pusat Panggilan & Khidmat Pelanggan Bank Islam

Tel : 03-26 900 900

Faks : 03-2782 1337

Email : contactcenter@bankislam.com.my

SOALAN-SOALAN LAZIM BERKENAAN MORATORIUM SECARA AUTOMATIK BAGI KEMUDAHAN AR-RAHNU

No.	Soalan	Jawapan
1.	Adakah kemudahan Ar-Rahnu tertakluk kepada moratorium?	Ya, kemudahan Ar-Rahnu tertakluk kepada moratorium bermula 1 April 2020 sehingga 30 September 2020. Pelanggan yang layak akan diberikan penangguhan pembayaran upah simpanan bulanan dan penebusan Aset Gadaian sepanjang tempoh moratorium.
2.	Adakah akaun Ar-Rahnu saya layak mendapat moratorium?	Akaun Ar-Rahnu dengan tarikh matang bermula dari 1 April 2020 sehingga 30 September 2020 layak mendapat moratorium secara automatik. Selepas tamat tempoh moratorium, pelanggan yang layak ini akan diberikan tempoh selama satu (1) bulan bermula 1 Oktober 2020 sehingga 31 Oktober 2020 untuk menjelaskan sebarang tunggakan upah simpanan bulanan atau membuat penebusan penuh.
3.	Adakah saya dikenakan upah simpanan bulanan sepanjang tempoh moratorium?	Ya, upah simpanan bulanan akan dikenakan kepada pelanggan sepanjang tempoh moratorium. Walaubagaimanapun, upah simpanan ini hanya perlu dibayar selepas tamat tempoh moratorium iaitu dalam tempoh sebulan (rujuk perkara 2).
4.	Adakah saya boleh membuat bayaran upah simpanan bulanan atau menebus Aset Gadaian semasa tempoh moratorium?	Ya, anda boleh membuat bayaran upah simpanan bulanan atau menebus Aset Gadaian, semasa tempoh moratorium bagi mengurangkan jumlah upah simpanan bulanan yang dikenakan.
5.	Adakah Aset Gadaian saya akan dilelong sepanjang tempoh moratorium?	Tiada lelongan akan dibuat sepanjang tempoh moratorium. Walau bagaimanapun, selepas tamat tempoh moratorium, anda diberikan tempoh selama satu (1) bulan bermula 1 Oktober 2020 sehingga 31 Oktober 2020 untuk menjelaskan sebarang tunggakan upah simpanan bulanan atau membuat penebusan penuh. Akaun yang mempunyai tunggakan selepas 31 Oktober 2020 akan tertakluk kepada lelongan seperti yang nyatakan di dalam terma dan syarat kemudahan Ar-Rahnu.

No.	Soalan	Jawapan									
6.	Akaun Ar-Rahnu saya telah/ akan matang semasa cawangan Ar-Rahnu ditutup. Apakah yang perlu saya lakukan?	<p>Anda boleh membuat pembayaran upah simpanan bulanan atau membuat penebusan penuh di Cawangan Ar Rahnu Bank Islam mulai 1 April 2020 sehingga tamat tempoh PKP seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Senarai perkhidmatan yang disediakan:</th> <th>Hari</th> <th>Waktu</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td><input type="checkbox"/> Penebusan Aset Gadaian</td> <td>RABU Sahaja</td> <td>10.00 pg hingga 2.00 ptg</td> </tr> <tr> <td><input type="checkbox"/> Pembayaran Upah Simpanan</td> <td></td> <td></td> </tr> </tbody> </table>	Senarai perkhidmatan yang disediakan:	Hari	Waktu	<input type="checkbox"/> Penebusan Aset Gadaian	RABU Sahaja	10.00 pg hingga 2.00 ptg	<input type="checkbox"/> Pembayaran Upah Simpanan		
Senarai perkhidmatan yang disediakan:	Hari	Waktu									
<input type="checkbox"/> Penebusan Aset Gadaian	RABU Sahaja	10.00 pg hingga 2.00 ptg									
<input type="checkbox"/> Pembayaran Upah Simpanan											

Sila hubungi:

Pusat Panggilan & Khidmat Pelanggan Bank Islam

Tel : **03-26 900 900**

Faks : **03-2782 1337**

Email : contactcenter@bankislam.com.my